

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 12 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 23 Disember 2019 (Isnin)

**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.05 tengah hari

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa

mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 12/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Disember 2019. Gambar-gambar semasa aktiviti/program yang telah dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Beliau mengucapkan setinggi-tinggi syukur kepada Allah S.W.T yang mengizinkan MPSJ dinaik taraf ke Bandaraya. Perkara ini telah mendapat kelulusan YAB Perdana Menteri Malaysia dan telah disampaikan keputusan rasmi kepada Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, penggunaan nama Majlis Bandaraya Subang Jaya masih belum digunakan sehingga pewartaan dan majlis pengisytiharan Bandaraya dilaksanakan.

- v) Perkongsian maklumat tentang pengalaman beliau menyertai Asia Pacific Mayor Academy, Component II telah diadakan pada 2 hingga 5 Disember 2019 bertempat di Bangkok, Thailand. Wakil Malaysia yang dipilih adalah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Tawau.

*Asia Pacific Mayor Academy* merupakan salah satu akademi yang ditubuhkan di bawah kelolaan *The United Nations Economic and Social Commission for Asia Pacific* (UN ESCAP) dengan kerjasama beberapa badan yang terdiri daripada *The United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat), *United Nations University*, *Institute for the Advanced Study of Sustainability* (UNU-IAS), *The Association of Pacific Rim Universities* (APRU) dan *The United Cities and Local Governments Asia-Pacific* (UCLG ASPAC).

Akademi ini ditubuhkan bertujuan untuk melatih Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan di rantau Asia Pacific terhadap masalah kemampunan bandar termasuk aspek perancangan kewangan, perancangan bersepadu, penggunaan penyelesaian pintar serta daya tahan bandar.

Perkara yang ditekankan adalah kreativiti dan komitmen mengatasi kemampuan kewangan. Beliau turut berkongsi pengalaman MPSJ berkaitan program yang dilaksanakan tidak menggunakan dana yang besar tetapi program tersebut dapat

dilaksanakan secara menyeluruh seperti Program Memberdayakan Komuniti B40 yang telah dilaksanakan di Pangsapuri dan Kampung Angkat. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada komuniti setempat, NGO serta syarikat swasta yang ingin bersama-sama menjayakan program memberdaya golongan B40.

Perkongsian juga dibuat berkenaan program yang dilaksanakan dari kreativiti kakitangan iaitu Program *Smart City Living Lab*. Program ini merupakan usahasama antara MPSJ dengan *solution provider*. Di zaman teknologi maklumat terdapat *solution provider* yang boleh membantu MPSJ dalam menambahbaik kecekapan dalam menjalankan tugas dengan menyediakan perkakasan dan perisian yang dapat membantu MPSJ dalam kerja-kerja seharian. Projek ini bakal menjadikan MPSJ sebuah bandar pintar yang terangkum, inklusif serta mampan untuk generasi sekarang dan akan datang.

- vi) Puan Pengerusi menyatakan hasrat beliau yang ingin mengusulkan cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor berkenaan menaikkan kadar elaun kepada Ahli Majlis MPSJ berdasarkan kerja keras serta komitmen padu yang diberikan sepanjang berkhidmat.
- vii) Puan Pengerusi berkongsi berkaitan program-program Majlis yang akan diadakan sepanjang bulan Januari 2020 iaitu :

- a) Program Ramah Mesra PeBT MPSJ 2020 dianjurkan bagi mengeratkan hubungan silaturahmi antara Ahli Majlis dan Pegawai PeBT di kawasan mereka akan diadakan pada 11 Januari 2020 (Sabtu), jam 9.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Sunway Megalane Sunway Pyramid.
  
- b) Program sembang santai remaja lelaki akan dilaksanakan pada 12 Januari 2020 (Ahad), jam 9.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Indah.

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang isu seksualiti di kalangan remaja lelaki supaya mereka boleh membuat keputusan yang bijak dalam mencegah gejala sosial dari peringkat awal. Selain itu, ia juga mengajar remaja lelaki tentang kepentingan menghargai usia muda dan hak mereka dalam bersuara serta bertindak menghadapi persekitaran mencabar pada hari ini.

- c) Program karnival sukan komuniti Serdang akan dilaksanakan pada 18 Januari 2020 (Sabtu), jam 7.00 pagi – 6.00 petang bertempat di Padang Bola Sepak 18/5, Taman Seri Serdang dan Taman Tasik Seri Serdang.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan seperti Fun Walk, Senamrobik Komuniti, Pertandingan Sepakan Penalti Terbuka, Pertandingan Soccer Kids 12 tahun dan 9 tahun,

Pertandingan Beyblade, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Karom Beregu, Pertandingan Dam Aji, Sukan Rakyat (boling kelapa / terompah gergasi / sepak raga bulatan), Sesi santai belia bersama PeBT, Big Boy Talk, Gerai jualan, Pameran Agensi Kerajaan, Persembahan Kombo MPSJ dan banyak lagi.

- d) Majlis Penutup Program Generasi Bestari (Smart Gen) Dan Penyampaian Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ 2019 akan diadakan pada 21 Januari 2020 (Selasa) jam 9.00 pagi – 12.30 tengah hari.

Majlis akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah yang telah memberi sepenuh komitmen sekaligus sebagai penggalak kepada penyertaan dalam program ini. Program Generasi Bestari telah berjaya mendidik sebanyak 61 sekolah dari 79 sekolah yang telah memberi kerjasama sepanjang tahun 2019.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2019**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2019 bertarikh 23 Disember 2019 (Isnin) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### **4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2019**

Perkara berbangkit adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Keputusan</b>
Hal-hal Lain	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ Bil. 11/2019 bertarikh 19 November 2019.	En Yap Kok Weng mencadangkan agar MPSJ melesenkan permit kerusi meja di atas tapak parkir.	Puan Yang Dipertua meminta agar cadangan tersebut dikaji serta diperincikan dan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.  <b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b>

#### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

##### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.19/2019 bertarikh 26 November 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju**  
**menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam  
laporan tersebut.

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.20/2019 bertarikh 10 Disember 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.8 & m/s 72	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	BP 2 : SUBANG HI-TECH Kertas Kerja bil : 382/20/102/2019	Beliau ingin penjelasan mengenai perkara tersebut : i) Bagaimana dengan aliran trafik keluar masuk? ii) Apakah perkiraan plot ratio? iii) Memohon agar pemaaju memberikan taklimat kepada penduduk sekitar.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Puan Yang Dipertua

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memaklumkan bahawa perkara berkenaan pengiraan plot ratio telah dibawa kepada pihak Kerajaan Negeri dan keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat OSC adalah selari dengan keputusan tersebut. Beliau meminta semua pemajuan yang berdensiti tinggi disampaikan kepada penduduk di kawasan terbabit.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.21/2019 bertarikh 19 Disember 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 12/2019 bertarikh 2 Disember 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11/2019 bertarikh 3 Disember 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.2 & m/s 6	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Laporan Masalah Pengalihan Kabin Kitar Semula Sumbangan KPKT di USJ Heights	Beliau memaklumkan bahawa pihak JKP telah meletakkan kabin kitar semula sumbangan KPKT di hadapan rumah kedai. Namun begitu, terdapat permasalahan kekotoran sehingga menimbulkan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>ketidaksenangan kepada penyewa kedai berhampiran. Pihak JKP perlu menanggung kos pemindahan sekiranya kabin tersebut dialihkan semula. Beliau memohon pertimbangan pihak Majlis untuk menyelesaikan masalah tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa masalah yang dihadapi di lokasi tersebut merupakan isu penyelenggaraan kabin sehingga menyebabkan masalah kekotoran. Pemilihan penempatan kabin perlu bersesuaian dan tidak menimbulkan masalah kepada orang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>awam / penduduk. Sehubungan itu, sekiranya kabin perlu dipindahkan ke lokasi yang baharu, ianya perlu dikaji dengan teliti berkenaan kesesuaian lokasi agar tidak menimbulkan kekacauan kepada orang awam. Jabatan berkaitan diminta mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah tersebut.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p>

#### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12/2019 bertarikh 4 Disember 2019

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 7	Encik Thamilarasu Sandayan	Kertas Permohonan Sewaan Balai Masyarakat JKP Zon 11 Jalan TK 2/14, Taman Kinrara, Seksyen 2 Puchong (Kertas Mesyuarat Bil. 95/12/2019)	<p>Beliau memohon agar balai masyarakat di lokasi tersebut dijaga dan dikendalikan oleh Persatuan Penduduk di kawasan tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi menyelesaikan isu masalah balai masyarakat ini. Beliau meminta supaya Persatuan Penduduk menghantar surat permohonan dan membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Khas sebelum dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan MPSJ.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 bertarikh 9 Disember 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.8/2019 bertarikh 10 Disember 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.12/2019 Bertarikh 10 Disember 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12/2019 Bertarikh 17 Disember 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan	Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat memutuskan bahawa isu permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan, sekiranya syarikat masih belum mendapatkan sokongan daripada pihak polis mereka akan diberikan lesen sementara dengan syarat perlu mendapatkan sokongan pihak polis dalam tempoh masa 6 bulan. Namun demikian, perkara ini tidak dicatatkan dalam

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>keputusan mesyuarat.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya dasar bagi kes permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan, pertimbangan permohonan hanya akan diberikan kepada lesen hiburan yang tidak mempunyai kes polis serta tiada aduan sahaja. Majlis boleh mempertimbangkan pengeluaran lesen sementara bagi tempoh 6 bulan terhadap lesen yang hampir tamat tempoh tetapi sokongan pihak polis masih belum diterima.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b></p>

## 6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

### 6.1 Cadangan Pembaharuan Skim Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Hospital dan Pembedahan (Inpatient) Untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya Tahun 2020 (Kertas Mesyuarat Bil.18/12/2019)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

#### Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menerima pembentangan tersebut dan pemilihan bagi skim kemudahan perubatan bagi rawatan hospital dan pembedahan (*inpatient*) untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya Tahun 2020 adalah seperti yang berikut :

Manfaat perlindungan insuran	Syarikat	Had Tanggungan	Kos Bayaran
Manfaat Perlindungan Untuk Kakitangan dan Tanggungan	AIA BERHAD	RM 20,000.00 / Seorang / Setahun (RB 150)	RM 4,382,581.06 Tiada Yuran TPA

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 24 Disember 2019

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       |   | Pengerusi<br>Mesyuarat  |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "                       |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "                       |
| 7.  | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "                       |
| 8.  | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "                       |
| 9.  | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "                       |
| 10. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 12. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "                       |

- |     |                                 |   |   |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 13. | Encik Chia Yew Ken              | - | " |
| 14. | Encik Tai Cheng Heng            | - | " |
| 15. | Encik Thamarasu Sandayan        | - | " |
| 16. | Encik Wong Yii Seang            | - | " |
| 17. | Puan Ng Seow Chen               | - | " |
| 18. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed | - | " |
| 19. | Encik Thong Kim Fatt            | - | " |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan

13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
15. Puan Rubaizah binti Mohamed Nor  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
16. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
17. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
18. Encik Emyshimy Rizal bin Nasaruddin  
Penolong Pengarah , Jabatan COB
19. Encik Sabbit Akmal bin Idrus  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Integriti
20. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K  
Pengarah, Jabatan Hasil
21. Puan Hajah Noraziah binti Ali  
Pengarah, Unit Audit Dalam

**TURUT HADIR ( JEMPUTAN KHAS)**

1. Puan Sazana binti Isa  
Pegawai Khas YB Dr. Mariah

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik M Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis
2. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin - Ahli Majlis
3. Puan Sharmazira binti Md Sharif - Ahli Majlis
4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis
5. Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi - Ahli Majlis
6. Encik Koh Eng Kee - Ahli Majlis
7. Puan Hjh Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
8. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB

9. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
  
10. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
  
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
  
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan